

Pengawal keselamatan tumbuk rakan sekerja dipenjara lima bulan, didenda RM1,000

KUCHING: Seorang pengawal keselamatan dipenjara lima bulan dan didenda RM1,000 di Mahkamah Majistret semalam akibat menumbuk rakan sekerjanya sehingga menyebabkan jari manis mangsa retak selepas mangsa menggunakan cop syarikat tanpa izinnnya.

Majistret Nur Syahheeqa Nazwa Radzali memerintahkan Thompson Dunssy, 44, yang tidak diwakili peguam, untuk dipenjara sebulan sekiranya gagal membayar denda tersebut.

Tertuduh mengaku bersalah dalam pro-

siding semalam, sebaik didakwa mengikut Seksyen 325 Kanun Keseksaan yang membawa hukuman penjara sehingga tujuh tahun dan boleh didenda, jika sabit kesalahan.

Mengikut pertuduhan, dia didakwa dengan sengaja menyebabkan cedera parah terhadap mangsa, lelaki berusia 23 tahun, dalam satu kejadian pada 26 Ogos 2026 sekitar jam 9.30 pagi di sebuah pejabat syarikat keselamatan di Jalan Ensing Timur di sini.

Fakta kes mendedahkan tertuduh tidak berpuas hati selepas mangsa menggunakan cop syarikat tempat mereka bekerja tanpa meminta izin daripada

tertuduh.

Keadaan ini menyebabkan tertuduh menumbuk mangsa di bahagian tangan dan kepala, sekali gus mengakibatkan mangsa mengalami sakit di bahagian kiri belakang kepala serta sakit jari manis tangan sebelah kiri.

Susulan itu, laporan polis dibuat dan hasil siasatan membawa kepada penangkapan tertuduh.

Siasatan lanjut mendapati mangsa mengalami cedera parah iaitu retak di bahagian jari manis tangan sebelah kiri akibat kejadian itu.

Kes dikendalikan oleh Pegawai Pendakwa Inspektor Siti Radhiah Abdul Rahman.



DIHUKUM: Tertuduh (kanan) dilihat berada di ruang legar Mahkamah Majistret semalam selesai prosiding.